

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

SOALAN NO. 413

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini projek IADA KETARA 2.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Terengganu Utara (KETARA) Fasa 2 melibatkan kawasan seluas 5,046 ha. Projek IADA KETARA Fasa 2 ini meliputi 4 skim di daerah Setiu (2,507 ha) dan 7 skim di daerah Besut (2,539 ha). Cadangan pembangunan IADA KETARA Fasa 2 dirancang dengan mengambilkira akan perlunya kawasan penanaman padi sedia ada diperluas dan diperkukuhkan bagi meningkatkan sekuriti makanan negara dan menjamin pengekalan kawasan tanaman padi sedia ada. Ketika ini, projek IADA KETARA Fasa 2 masih lagi dalam perancangan dan pertimbangan kerajaan dengan mengambilkira akan kemampuan kewangan negara memandangkan cadangan pembangunan ini akan melibatkan pengezonan kawasan dan pembangunan infrastruktur tambahan sebagai pelengkap kepada kemudahan yang sedia ada. Justeru itu, ketika ini kawasan penanaman padi di bawah Fasa 2 masih dikategorikan sebagai luar jelapang dan diselia oleh Jabatan Pertanian Negeri.

Pembangunan IADA KETARA Fasa 2 akan menjadi pelengkap kepada pembangunan IADA KETARA secara keseluruhannya. Dengan ini, pembangunan padi di kawasan terbabit akan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik seterusnya meningkatkan pengeluaran padi dan menambah pendapatan pesawah. Bagi membangunkan kawasan tanah padi terbiar atau kurang produktif, kerajaan bercadang untuk mengoptimumkan kawasan tersebut melalui konsep pengurusan secara berkelompok. Sementara itu, bagi tanah yang tidak produktif pula, pesawah digalakkan untuk melaksanakan tanaman lain yang lebih menguntungkan.

Sekian, terima kasih.